



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PENGOPERASIAN SEMULA PERKHIDMATAN KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM RENTAS SEMPADAN MALAYSIA – SINGAPURA MULAI 1 APRIL 2022

Sukacita Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) memaklumkan bahawa selaras dengan pengumuman pembukaan sempadan darat antara Malaysia dan Singapura mulai 1 April 2022, semua kelas perkhidmatan kenderaan pengangkutan awam rentas sempadan di antara Malaysia ke Singapura juga akan turut dibenarkan untuk beroperasi mulai daripada tarikh yang sama.

Mulai 1 April 2022, kedua-dua negara akan membenarkan semua pengembara yang telah lengkap vaksinasi untuk merentas sempadan darat tanpa perlu menjalani kuarantin atau melaksanakan ujian saringan COVID-19, termasuk ujian pra-pelepasan dan semasa ketibaan. Kebenaran ini adalah terpakai kepada semua kategori pengembara dan penggunaan semua jenis pengangkutan darat, termasuk semua kelas kenderaan perkhidmatan awam rentas sempadan seperti bas henti-henti, bas ekspres, bas pelancongan, bas pekerja dan teksi rentas sempadan.

Oleh yang demikian, semua operator perkhidmatan kenderaan pengangkutan awam dalam negara yang berkaitan boleh membuat persiapan ke arah memulakan semula operasi mereka termasuk memperbaharui semua permit atau lesen yang berkaitan, sama ada dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) atau dengan pihak berkuasa di Singapura. Namun, penyediaan atau permulaan perkhidmatan sebenar adalah tertakluk kepada kesediaan operator yang terlibat untuk memulakan operasi mereka semula kepada





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

orang ramai. Orang ramai bolehlah mendapatkan maklumat lanjut daripada pihak operator yang berkenaan mengenai status pengoperasian perkhidmatan rentas sempadan yang bakal disediakan.

Semua operator kenderaan perkhidmatan awam rentas sempadan juga diingatkan untuk mematuhi semua Garis Panduan (SOP) kesihatan sedia ada, termasuk menyediakan kod QR di dalam kenderaan perkhidmatan awam yang beroperasi. Semua operator juga hendaklah memastikan kod QR diimbas oleh penumpang bagi tujuan pengesanan (contact tracing). Namun, selaras dengan ketetapan semasa, pihak operator tidak perlu membuat sebarang pemeriksaan sebelum menaiki kenderaan bagi menyemak status vaksinasi penumpang. Operator atau pemandu kenderaan perkhidmatan awam boleh menolak daripada menyediakan perkhidmatan kepada mana-mana pengembara yang tidak mematuhi SOP kesihatan semasa seperti pemakaian pelitup muka. Adalah menjadi tanggungjawab pengembara untuk memastikan mereka telah mempunyai aplikasi MySejahtera yang sah di dalam telefon pintar dan memenuhi semua syarat-syarat pengembaraan yang telah ditetapkan. Kegagalan berbuat sedemikian akan menyebabkan tindakan boleh diambil kepada pengembara berkenaan termasuk dikenakan tindakan kompaun atau penalti di bawah undang-undang sedia ada yang berkaitan.

Mana-mana pengembara yang akan menggunakan kenderaan motokar persendirian ke Malaysia pula diingatkan untuk mendaftar dan mendapatkan permit kemasukan kenderaan asing (foreign vehicles entry permit, VEP) dengan melayari laman web [<https://vep.jpj.gov.my/>]. Kenderaan yang telah berjaya mendaftar akan dibekalkan dengan tag RFID-VEP yang turut





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

dilengkapi dengan aplikasi e-wallet Touch n Go bagi tujuan pembayaran Caj Jalan (RC) dan tol.

Selain itu, semua kereta persendirian berdaftar Singapura juga dikehendaki membayar Caj Jalan (RC) (RM20 setiap kemasukan) apabila masuk ke Malaysia (melalui lintasan masuk di BSI dan KSAB). Bagi kenderaan yang telah didaftarkan dan dipasang dengan tag RFID VEP, pembayaran untuk RC boleh dibuat melalui e-wallet Touch n Go yang digabungkan dalam tag RFID. Kenderaan berdaftar Singapura yang masih belum didaftarkan dan dipasang dengan tag RFID VEP, pembayaran untuk RC masih boleh dibuat dengan menggunakan kad Touch n Go.

Semua pengembara yang memandu kenderaan persendirian pendaftaran Singapura hendaklah memastikan kad Touch n Go mereka masih sah dan mempunyai baki yang mencukupi dalam e-wallet atau kad Touch n Go mereka untuk membayar RC bagi mengelakkan kesesakan dan kelewatan apabila memasuki Malaysia di BSI atau KSAB.

MOT berharap pembukaan semula sempadan Malaysia-Singapura ini bukan sahaja dapat merancakkan pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara, tetapi juga dapat merapatkan kembali ikatan kekeluargaan dan persahabatan antara rakyat Malaysia-Singapura.

DATUK SERI IR.DR.WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
28 MAC 2022

-TAMAT-

